

07 MAY 1996

Yong - Jawatan

PERDANA MENTERI TIDAK BAYANGKAN TARIKH ANGKAT SUMPAAH, KATA YONG

KOTA KINABALU, 7 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak membayangkan kepadanya tarikh bila Ketua Menteri baru akan dilantik.

Beliau berkata dalam pertemuan dengan Dr Mahathir di Kuala Lumpur semalam, mereka membincangkan secara umum perkembangan keseluruhan di Sabah termasuk kedudukannya sebagai Ketua Menteri yang baru.

Ketika ditanya jika Perdana Menteri membayangkan bila beliau akan mengangkat sumpah, Yong yang juga Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah berkata tiada tarikh ditetapkan.

"Perkara itu harus diumumkan oleh sumber rasmi, Saya tidak boleh mengulas lanjut mengenainya," kata beliau kepada pemberita sebelum menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi parti di sini malam ini.

Ketika ditanya sama ada beliau telah menyerahkan senarai kabinetnya kepada Perdana Menteri, Yong berkata mereka cuma membincangkan prinsip yang harus digunakan bagi menentukan komposisi Kabinet negeri.

Beliau tidak memberitahu prinsip itu sambil berkata terlalu awal untuk berbuat demikian.

Yong disebut akan menjadi Ketua Menteri yang baru menggantikan Datuk Salleh Said ekoran janji Dr Mahathir pada kempen pilihan raya 1994 untuk menggilirkan jawatan itu di kalangan pemimpin tiga masyarakat utama di Sabah -- Bumiputera Islam, masyarakat Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Ketika ditanya mengenai implikasi kes mahkamah yang dihadapinya, Yong berkata kes itu tidak harus dibincangkan.ubjudice.

Yong dituduh bersama dengan empat orang lagi menyertai perarakan haram di sini semasa pilihan raya umum 1990. Perbicaraan bermula di Mahkamah Majistret di sini dan akan disambung pada 21 Mei.

Jika sabit kesalahan, Yong boleh didenda RM2,000 dan penjara hingga setahun.

-- BERNAMA

KG JK FAZ